

22/06/2002

Keterasingan Pas galak kemudaran orang Melayu

"JANGAN fikir selepas Umno, Pas tetap akan memerintah. Dalam politik, yang tidak dijangka boleh berlaku,' demikian antara sindiran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap parti pembangkang itu dalam ucapan dasarnya ketika merasmikan Perhimpunan Agung Umno kelmarin. Ketika kata-kata itu harus masih terngiang-ngiang di telinga sebilangan pemimpin dan ahli Pas, terkeluar pula kenyataan bahawa DAP tidak akan mengorbankan prinsipnya hanya untuk mewujudkan pakatan dengan parti itu jika Pas mahu terus membentangkan Rang Undang-undang Jenayah Syariah Terengganu ketika persidangan Dewan Undangan Negeri bulan depan. Sekali lagi Pas dilihat sebagai parti yang bertindak dalam keterasingan, seolah-olah ia saja yang betul, tanpa mengambil kira keperluan dan kepentingan masyarakat majmuk yang menjadi latar belakang utama negara ini.

Berlawanan dengan Umno yang sudah kerap mengakui kekurangan dan kelemahannya dengan tujuan langkah sewajarnya dapat diambil untuk memperbetul keadaan, Pas tidak pernah mahu mengakui kepincangannya sendiri. Dalam banyak keadaan, Pas lebih ringan mulut untuk menyalahkan orang lain - cadangan memperkenalkan undang-undang hudud mengikut pandangannya tidak terkecuali - sambil tidak henti-henti menanamkan budaya kebencian sebagai modal untuk berkuasa. Apakah Pas tidak langsung mempunyai kelemahan? Atau kerana banyaknya kelemahan, parti itu terpaksa berterusan menghentam musuh-musuhnya bagi menutup kepincangan yang ada? Pas boleh terus menafikannya tetapi banyak tindak-tanduk parti itu yang menyebabkan menularnya politik benci sehingga menghancurkan nilai mulia yang diajar Islam seperti bersyukur, berterima kasih dan bersaudara sesama Islam.

Jika benar Pas berjuang di atas landasan Islam sebagaimana didakwanya, maka parti itu boleh mengambil iktibar daripada teguran Dr Mahathir kelmarin bahawa tidak harus ada pemisahan sesama umat dalam berpolitik dan berparti sehingga mereka tidak dapat bertindak bersama dengan satu tujuan apabila menghadapi musuh atau masalah yang serupa. Dalam hubungan ini, Pas tidak pun diharapkan mencontohi Umno dalam serba-serbi kerana tidak mungkin boleh wujud persamaan di antara kedua-duanya - sekalipun dalam membela nasib orang Melayu. Namun, memadailah Pas berhenti daripada memarakkan api kebencian terhadap Umno di samping mengelakkan jurang perpecahan di kalangan orang Melayu daripada menjadi bertambah lebar sehingga tempat ibadat dan kenduri-kendara pun turut terbahagi oleh aliran politik yang berbeza-beza.

Pas juga tidak boleh mendabik dada atau berseronok dengan hakikat bahawa orang Melayu di negara ini hanya yang teramai tetapi kekal lemah, termiskin dan kurang maju sebagai mencerminkan kegagalan Umno semata-mata. Di sebalik kemurnian pengakuan Umno bahawa banyak yang perlu dilakukan atas keinsafan untuk mengangkat darjat orang Melayu ke mercu gemilang, Pas sebenarnya bukan saja tidak pun membantu, malah sekadar memburukkan keadaan. Pernah dalam ceramah agama di masjid, penceramah yang jelas sealiran dengan kepemimpinan Pas kalau pun bukan ahli parti itu, ghairah menonjolkan contoh usahawan Jepun yang berjaya tanpa menguasai bahasa Inggeris sebagai dalil untuk menentang peluasan penggunaan bahasa itu di sekolah. Malah, Kelantan dan Terengganu cukup dijadikan contoh kegagalan Pas, menyebabkan kedua-dua negeri itu kekal suram hingga ramai rakyatnya terpaksa berhijrah untuk mendapatkan pekerjaan.

Daripada turut menginsafi kelemahan dan kekurangan orang Melayu yang

dibahaskan dalam Perhimpunan Agung Umno kali ini atau menerima baik sebarang teguran, bukan menghairankan andainya Pas menggunakannya sebagai modal politik terbaru mereka untuk dijaja di merata ceruk kampung. Kelmarin, Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dengan angkuh menyifatkan orang Melayu yang diingatkan oleh Dr Mahathir perlu mengubah sikap hanya bermaksud kepada ahli Umno semata-mata - kononnya orang Melayu di luar Umno tiada cacat-cela. Umum mengetahui Keadilan adalah parti yang menghampiri kepupusan dan kini Pas harus membuktikan ia berbeza.

(END)